



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

Fail : ()MBSA/PTD/SM/100-1/1 Jld. 4

Tarikh : Ogos 2014
Syawal 1435H

Kepada,
Semua Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian /
Pengurus Pejabat Cawangan
Majlis Bandaraya Shah Alam.

Tuan/Puan,

(1) PENUBUHAN JABATAN :

- **PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM**

(2) PERTUKARAN NAMA JABATAN :

- (i) JABATAN KORPORAT KEPADA
JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

- (ii) JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR KEPADA
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Majlis Kali Keempat Tahun 2014 Sesi 2014/2015 pada 28 Mei 2014 mengenai perkara yang sama.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis telahpun meluluskan cadangan penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam yang akan diketuai oleh Timbalan Datuk Bandar mulai 1 Julai 2014.

3. Untuk makluman tuan/puan juga Jabatan Korporat telah ditukar nama kepada Jabatan Korporat Dan Pembangunan Komuniti yang diketuai oleh Puan Hajjah Asmah binti Mohd. Zin manakala nama Jabatan Perkhidmatan Bandar ditukar kepada Jabatan Kesihatan Persekitaran yang diketuai oleh Dr. Hj. Roslan bin Hj. Fadzil.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan carta fungsi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam untuk makluman tuan/puan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang Benar,

(MOHTAR BIN HANI)

Timbalan Datuk Bandar

b.p. Datuk Bandar

s.k. Datuk Bandar

